

## Pantau penggunaan media sosial anak-anak

**BERIKUTAN** pelbagai masalah sosial sejak kebelakangan ini, ibu bapa disaran memantau penggunaan media sosial anak-anak supaya dapat mencegah kegiatan sosial yang tidak berfaedah bersama rakan-rakan.

Ketua Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Arfan Sulaiman berkata, keprihatinan ibu bapa memantau pergaularan anak-anak melalui media sosial dapat mencegah lebih awal kegiatan tidak berfaedah yang dilakukan anak-anak.

"Saya melihat ibu bapa kini perlu mempunyai ilmu dalam media sosial agar segala aktiviti anak-anak dapat dipantau, sekali gus mencegah mereka agar tidak terlibat dengan gejala sosial seperti hamil anak luar nikah pada usia muda.

"Ibu bapa perlu mengambil tahu dengan siapa anaknya berkawan dan sentiasa berbual mengenai topik

pencegahan awal sebelum berlakunya aktiviti tidak bermoral," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia Sabtu*.

Jelas Arfan, ibu bapa boleh menjadikan anak mereka sebagai rakan dan sekiranya mempunyai masalah boleh merujuk tanpa berasa malu.

"Kebanyakan remaja hamil luar nikah disebabkan pengaruh rakan sebaya kerana menganggap rakan baik boleh menjadi pendengar setia masalah yang dihadapi.

"Bagaimanapun, apabila remaja tersebut terlanjur, dia mula hilang kawan dan terpaksa merujuk masalah berkennaan kepada ibu bapa," katanya.

Menurut Arfan, JKM kini memiliki empat buah institusi Taman Seri Puteri iaitu pusat perlindungan remaja dan wanita terlanjur, namun terdapat 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membuka rumah perlindungan yang berdaftar dengan JKM di seluruh negara.



**ARFAN SULAIMAN**